



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000
Faksimile : 603-8891 3090
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klt.3 ()
Tarikh : 13 Nov. 2019

EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID
44/2019 (27 Okt. hingga 02 Nov. 2019)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid 44/2019, **sebanyak 1,793 kes Demam Denggi dengan 2 kes kematian** telah dilaporkan, iaitu berlaku penurunan kes sebanyak 153 kes (7.9%) berbanding minggu epid 43/2019 iaitu **1,946 kes dengan 1 kes kematian**. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 2 November 2019 adalah sebanyak **110,399 kes** berbanding **62,974 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2018, iaitu berlaku peningkatan sebanyak **75.3%** (47,425 kes). Perbandingan bilangan kes pada tahun 2018 dan 2019 ditunjukkan di **Lampiran A**.
3. Pada minggu epid 44, sebanyak **91 lokaliti hotspot yang masih aktif** dilaporkan di seluruh negara, iaitu berlaku pengurangan sebanyak **13 lokaliti** berbanding minggu epid 43/2019 iaitu **104 lokaliti**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.
4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi.

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klt.3 ()
Tarikh : 13 Nov. 2019

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <http://jkt.kpkt.gov.my> .

6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih,

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,



(OOI POH KEONG)

Pengarah


Bahagian Perunding Kesihatan Persekutaran

Jabatan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Edaran Dalaman (melalui e-mel):

1. YBhg. Dato', Ketua Pengarah JKT
2. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) JKT
3. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Perundingan dan Perundangan) JKT
4. Semua Pengarah Bahagian
5. Semua Anggota Bahagian Perunding Kesihatan Persekutaran



**JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 43 DAN 44 MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2019**

Bil.	Negeri	Minggu Epid 43		Minggu Epid 44	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor	88	9	73	8
2.	Kelantan	2	1	3	1
3.	Pulau Pinang	2	1	2	1
4.	Wilayah Persekutuan	7	1	8	1
5.	Sabah	0	0	1	1
6.	Sarawak	3	1	3	1
7.	Negeri Sembilan	2	1	1	1
JUMLAH		104	14	91	14